

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

2. Apakah insiatif atau bantuan oleh Kerajaan Negeri dan agensi-agensi kerajaan dalam membantu komuniti perniagaan semasa wabak COVID-19?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

2. Negeri ini terkenal dengan makanan jalanan atau *street food* serta pelbagai produk tempatan yang disaji setiap hari oleh ribuan penjaja di negeri ini. Selain itu, di Pulau Pinang juga terdapat ramai penjaja dan peniaga kecil yang menjual dan menghasilkan pelbagai produk. Golongan tersebut bukan sahaja usahawan yang rajin, malah sumbangan mereka kepada industri pelancongan negeri adalah amat besar sekali. Wabak COVID-19 yang telah membantutkan sektor pelancongan serta perkhidmatan negeri ini secara tidak langsung menjelaskan pendapatan para penjaja secara drastik.

Justeru, demi meringankan beban mereka, Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan tunai secara *one-off* berjumlah RM500 kepada semua peniaga kecil serta penjaja berlesen yang berdaftar dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Bantuan ini juga bakal merangkumi peniaga pasar malam, pasar tani dan kendara saji (*food truck*).

Pemberian bantuan khas *one-off* sejumlah RM500.00 kepada peniaga kecil/penjaja berlesen (termasuk peniaga pasar malam/*food truck/pasar tani*). Bantuan ini bakal memanfaatkan 14,012 peniaga kecil dan penjaja berlesen seluruh negeri Pulau Pinang. Anggaran penerima manfaat adalah seramai 14,012 orang. Turut dilaksanakan ialah pengecualian sewaan premis peniaga

kecil/gerai/tapak penjaja berlesen di bawah PBT, Pejabat Daerah dan Tanah, Bahagian Perumahan, Jabatan Perhutanan, dan Penang Digital Library. Anggaran penerima manfaat adalah sebanyak 10,999 peniaga. Insentif dan bantuan bagi Paket Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) bagi membantu komuniti perniagaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**CADANGAN INSENTIF DAN BANTUAN BAGI PAKEJ BANTUAN KHAS (PENANG LAWAN COVID-19)
BAGI MEMBANTU KOMUNITI PERNIAGAAN**

BIL.	TAJUK INSENTIF/BANTUAN	KETERANGAN PELAKSANAAN	ANGGARAN IMPLIKASI KEWANGAN (RM)
1.	Pemberian bantuan khas <i>one-off</i> sejumlah RM500.00 kepada peniaga kecil/penjaja berlesen (termasuk peniaga pasar malam/ food truck/ pasar tani)	Anggaran penerima manfaat : 14,012 orang Pecahan seperti berikut: MBPP- 6957 MBSP- 6324 FAMA – 731 (Pasar tani)	7,006,000.00
2.	Bantuan <i>one-off</i> sebanyak RM500.00 kepada pemandu pelancong berdaftar	Anggaran penerima manfaat : 1,367 orang (Penerima manfaat adalah pemandu pelancong yang berdaftar dengan MOTAC.)	685,000.00
3.	Membuat bayaran awal insentif RM300.00 kepada pemandu taxi dan tambahan sebanyak RM200.00 secara <i>one-off</i> .	Anggaran penerima manfaat : 2,248 pemandu taxi (Peruntukan tambahan bagi tujuan ini RM449,600.00.)	1,124,000.00

4.	Bayaran insentif sebanyak RM300.00 secara <i>one-off</i> kepada pemandu <i>e-hailing</i> di Pulau Pinang.	Anggaran penerima manfaat : 10,000 pemandu <i>e-hailing</i> di Pulau Pinang	3,000,000.00																														
5.	Membuat bayaran awal elaun penarik beca sebanyak RM300.00 dan tambahan sebanyak RM200.00 secara <i>one-off</i> .	Anggaran penerima manfaat : 318 penarik beca Bayaran elaun penarik beca bagi bulan April hingga Jun 2020 diawalkan bayaran pada bulan April 2020 dan dibayar bersekali dengan tambahan RM200 secara <i>one-off</i> .	159,000.00																														
6.	Penang Business Continuity Loan	Penerima manfaat: SME dan Mikro di Negeri Pulau Pinang Pinjaman untuk SME – RM10,000.00 maksimum Pinjaman untuk Mikro – RM5,000.00 maksimum	30,000,000.00																														
7.	Pengecualian sewaan premis peniaga kecil/ gerai/ tapak penjaja berlesen dibawah PBT, Pejabat Daerah dan Tanah, Bahagian Perumahan, Jabatan Perhutanan, dan Penang Digital Library.	Anggaran penerima manfaat: 10,999 peniaga Pengecualian bayaran sewa bagi bulan April 2020. <table border="1"> <thead> <tr> <th>AGENSI</th> <th>BIL. PREMIS</th> <th>SEWA BULANAN (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>MBPP</td> <td>5,963</td> <td>610,970.00</td> </tr> <tr> <td>MBSP</td> <td>4,589</td> <td>789,674.02</td> </tr> <tr> <td>PDT</td> <td>261</td> <td>46,645.00</td> </tr> <tr> <td>Jbtn. Hutan</td> <td>12</td> <td>6,270.00</td> </tr> <tr> <td>Bhg. Perumahan</td> <td>122</td> <td>25,580.40</td> </tr> <tr> <td>PDL (CMI)</td> <td>3</td> <td>7,884.00</td> </tr> <tr> <td>Jbtn. Tmn Botani</td> <td>26</td> <td>23,041.00</td> </tr> <tr> <td>Bukit Bendera</td> <td>23</td> <td>100,000.00</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>10,999</td> <td>1,610,064.42</td> </tr> </tbody> </table>	AGENSI	BIL. PREMIS	SEWA BULANAN (RM)	MBPP	5,963	610,970.00	MBSP	4,589	789,674.02	PDT	261	46,645.00	Jbtn. Hutan	12	6,270.00	Bhg. Perumahan	122	25,580.40	PDL (CMI)	3	7,884.00	Jbtn. Tmn Botani	26	23,041.00	Bukit Bendera	23	100,000.00	Jumlah	10,999	1,610,064.42	1,610,064.42
AGENSI	BIL. PREMIS	SEWA BULANAN (RM)																															
MBPP	5,963	610,970.00																															
MBSP	4,589	789,674.02																															
PDT	261	46,645.00																															
Jbtn. Hutan	12	6,270.00																															
Bhg. Perumahan	122	25,580.40																															
PDL (CMI)	3	7,884.00																															
Jbtn. Tmn Botani	26	23,041.00																															
Bukit Bendera	23	100,000.00																															
Jumlah	10,999	1,610,064.42																															

8.	Penangguhan tempoh pembayaran balik pinjaman Skim Pinjaman Harapan (SPH) dan Tabung Usahawan Tani (TUT) selama 3 bulan.	Penangguhan pembayaran balik pinjaman selama 3 bulan. Bilangan penerima manfaat : 1,581 peminjam	
	JUMLAH		43,584,064.42